

IQRA'



جامعة تكنولوجى مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak

أقْلَ

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my

Bicara Buku Penerbit UiTM: Panduan Asas Pemikiran Reka Bentuk Produk
PTAR Cawangan Shah Alam - muka 4

LIVE HD

Bicara Pakar@Perpustakaan Cendekiawan Pandemik VS Endemik: Hidup Bersama COVID-19

LIVE HD

PTAR Cawangan Dungun - muka 8

Majlis Serahan Sumbangan Buku Wakaf Kepada Jabatan Penjara Pahang, Bentong
PTAR Cawangan Jengka - muka 14

Taklimat Online Finding Archive (OFA)

PTAR Cawangan Sarawak - muka 24

Kunjungan Hormat Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan (PDJH) Ke Bahagian PJIM&A

PTAR Cawangan Perlis - muka 25

Promosi@PTAR



http://ezaccess.library.uitm.edu.my/login
Access Via
UITM EzAccess



UiTM Institutional
Repository

Google Workspace
For UiTM Students



SIDANG REDAKSI

IQRA'

PENASIHAT

Ts. Noor Hidayat bin Adnan

KETUA EDITOR

En. Jamalludin bin Hj. Sulaiman

EDITOR

Pn. Shahidatul Akhmmam Rambeli

PENYELARAS

Pn. Adlina binti Abdullah

REKA BENTUK GRAFIK

Pn. Noor Azureen binti Abd. Aziz

WARTAWAN/WAKIL CAWANGAN

| | |
|--------------|--|
| Shah Alam | : Pn. Adlina Abdullah, En. Mohd Alfarabie Mohd Nasir, Pn. Nik Zatihulwani Jamaludin, Tn. Hj. Ahmad Faizar Jaafar, Pn. Siti Salwa Abdul Rahman, En. Abdul Razak Abdul Rahman, Pn. Norazlin Mohd. Yusof, Pn. Nurul Farihah Sarmin Panut, Pn. Nor Hafizah Md. Hanafiah, Pn. Noredayu Rosli, Pn. Azian Azis |
| Melaka | : Cik Hazlin Ibrahim Khan, Pn. Siti Haidah Md Aziz & Cik Ilya Nur Fateen Othman |
| Perlis | : Cik Nor Azrina Kassim |
| Sabah | : Cik Marlia Yuming |
| Kedah | : Pn. Noor Azlin Abdullah |
| Pulau Pinang | : Pn. Rafidah Muhamad Sam, Pn. Nor Azilawati Mohamad Azmi, Pn. Nurhayati Hassan |
| Kelantan | : En. Muslim Ismail @ Ahmad |
| Perak | : En. Mohd Azim Ansori, Cik. Nur Dayana Mohd Narwawi |
| Sarawak | : Pn. Hapsah Suut |
| Pahang | : Pn. Norfitriah Mat Seman, En. Roshairi Che Razali, En. Mohd Anwar Hassim |
| Terengganu | : En. Mohd Shahnizam Mat Zain, Pn. Asmahani Abdullah |
| Johor | : Pn. Siti Rozana Mat Sanat, Pn. Nor Azelea Mohd Azahar |
| N. Sembilan | : En. Syaiful Hisyam Saleh, En. Mohd Hafiz Kasirun & Pn. Nur Rabita Rouzan |
| Selangor | : Pn. Hafiza Mustape, Pn. Nur Fatihah Muhamad, Cik Nordiana Turkijo, Pn. Wan Rohani Wan Chin |

PENERBIT

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
Universiti Teknologi MARA,
40450, Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.



KEKERAPAN KELUARAN

12 Keluaran Setiap Tahun
ISSN NO : 2735-1920



Pada 27 Oktober 2021, Perpustakaan Dato' Jaafar Hasaan Cawangan Perlis telah mengadakan sesi Bicara Iman yang bertajuk Akhlak Rasulullah S.A.W. dan sesi kali ini mengambil rujukan daripada Ensiklopedia Akhlak Rasulullah yang mengandungi 25 akhlak Rasulullah S.A.W. dalam menuju jalan kebahagian. Tazkirah dimulakan dengan maksud akhlak dari sudut bahasa dan istilah Bahasa Arab. Mengikut sudut bahasa, akhlak membawa maksud kelakuan ataupun tabiat. Dari sudut istilah pula akhlak bererti keadaan rohani seseorang sama ada dari pemikiran, jiwa dan emosinya yang mana akan terzahir kepada perbuatan dan perlakunya.

Penceramah seterusnya memberi penjelasan mengenai perbahasan ulama' tentang maksud akhlak. Akhlak dalam konteks Islam bukan sekadar membincangkan tentang keadaan rohani dan jiwa seseorang, ia lebih daripada itu dengan melihat kepada kepentingan pembentukan peribadi sebagai sebahagian struktur agama seseorang yang perlu dibentuk mengikut acuan syariat Islam. Ciri-ciri akhlak mengikut hadis adalah dengan bertakwa kepada Allah S.W.T di mana sahaja kita berada, tidak melakukan perbuatan buruk tetapi perbanyakkan perbuatan baik dan bergaul sesama manusia dengan akhlak yang baik.

Beberapa contoh aplikasi akhlak dalam konteks ini diberikan oleh penceramah. Penceramah juga memberikan gambaran mengenai apa yang dikatakan perwatakan yang mulia. Antara tanda baiknya keislaman seseorang adalah meninggalkan apa yang tidak manfaat untuk agama dan dirinya. Menurut Surah Al-Mukminun, salah satu ciri perwatakan mulia ialah meninggalkan perkara yang sia-sia di samping memenuhi hak orang lain, memberi faedah dari segi fizikal dan spiritual serta mengekalkan keharmonian perhubungan dan menjaga silaturrahim.

Mengikut hadis, orang mukmin yang paling sempurna imannya adalah yang paling baik akhlaknya. Umat Islam hendaklah mengikuti akhlak Rasulullah S.A.W sebagaimana perwatakannya yang menyenangkan orang lain dan sentiasa menjaga kepentingan diri dan hak orang lain. Di akhir sesi, penceramah menekankan bagaimana untuk membentuk akhlak seperti Rasulullah S.A.W sebagai panduan khalayak dalam menjalani kehidupan seharian. Antaranya, melihat kekurangan pada diri dan bermuhasabah secara tidak langsung dapat memperbaiki akhlak dan tidak lagi mencela orang lain kerana menyedari kelemahan yang ada pada diri sendiri.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:



Perpustakaan
Tun Abdul Razak

Unit Penerbitan dan Pemasaran,
Bahagian Komunikasi Korporat,
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
UiTM Shah Alam.

No. Tel: 03-5544 3731



ISO 9001:2015 No. SJ01:0048803

UiTM *di hatiku*

PTAR
“LIBRARY for ALL”